

KESAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERINDUSTRIAN TERHADAP KOMUNITI PESISIR PANTAI DI PASIR GUDANG, JOHOR

Nurul Fatin Alia & R. B. Radin Firdaus

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email of corresponding author: fatinnaliaa@gmail.com

Abstrak

Kawasan perindustrian Pasir Gudang merupakan sebuah kawasan perindustrian yang sedang giat membangun di Johor. Kawasan perindustrian Pasir Gudang dahulunya merupakan sebuah kawasan pedalaman yang hasil ekonominya bergantung kepada komoditi getah. Kini, pembangunan dalam sektor perindustrian telah membawa kepada pertambahan peluang pekerjaan dan pertumbuhan penduduk yang pesat. Hal ini secara langsung telah memberi kesan ke atas taraf hidup dan keadaan sosioekonomi masyarakat setempat khususnya terhadap komuniti pesisir pantai di kawasan Pasir Gudang. Meskipun pembangunan kawasan perindustrian rancak berlaku di sekeliling mereka, namun masih terdapat perkampungan di kawasan pesisir pantai yang masih mengekalkan nilai, tradisi dan amalan ekonomi masyarakat desa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai kesan pembangunan kawasan perindustrian terhadap tahap sosioekonomi komuniti pesisir pantai di kawasan Pasir Gudang. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif melibatkan seramai 60 orang ketua isi rumah yang terdiri daripada komuniti pesisir pantai di Kampung Tanjung Langsung dan Kampung Perigi Acheh. Hasil kajian ini mendapati terdapat perubahan yang ketara ke atas status sosioekonomi komuniti pesisir pantai akibat pembangunan kawasan perindustrian di Pasir Gudang. Antara perubahan positif yang diterima adalah dari aspek pekerjaan dan pendapatan. Manakala kesan negatif akibat pembangunan pesat kawasan perindustrian adalah dari aspek kesejahteraan sosial dan persekitaran.

Kata kunci: Kawasan perindustrian, sosioekonomi, komuniti pesisir pantai, Pasir Gudang.

1. Pengenalan

Perindustrian adalah satu mekanisme yang membolehkan berlakunya perubahan ekonomi daripada struktur ekonomi domestik, seperti pertanian tradisional untuk sara diri kepada ekonomi yang moden, yang membawa kepada kewujudan bandar-bandar yang berbeza dan kawasan industri (Todaro, 1997). Pembangunan yang berlaku sangat berkait dengan proses perindustrian. Menurut Rahmah Ismail (2003), proses pembangunan yang berlaku telah menyebabkan sektor perindustrian terus berkembang dan peranan sektor pertanian semakin berkurangan. Pembangunan kawasan perindustrian juga menggalakkan pertambahan penduduk. Hal ini kerana, pekerja luar bandar tertarik dengan pembukaan kawasan bandar baru kerana mempunyai peluang pekerjaan baru yang banyak (Fatimah Illadad Khan, 1982) di samping dapat mengembangkan sektor perkhidmatan seperti perniagaan (Sulong Mohamad, 1987). Hal ini secara langsung akan mewujudkan migrasi dalaman untuk memenuhi keperluan hidup. Meskipun begitu, migrasi yang berlaku akan menyebabkan berlakunya persaingan ekonomi antara penduduk asal dengan migran yang datang (Sukri Nyompa et al., 2012).

Di Malaysia terdapat kira-kira 188 buah kawasan perindustrian. Pasir Gudang merupakan salah satu kawasan perindustrian yang telah membangun dengan pesat dan telah diiktiraf menjadi bandar perindustrian. Pembangunan kawasan perindustrian yang pesat di Pasir Gudang telah menyebabkan pertambahan penduduk berlaku di Pasir Gudang yang kini telah mencapai sebanyak 335,982 orang dan mempunyai keluasan sebanyak 31,132 hektar (Majlis

Perbandaran Pasir Gudang, n.d.). Pembangunan kawasan perindustrian telah menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur dan menyuntik modal di samping membawa masuk kepakaran profesional daripada negara asal mereka. Kebanyakan pelabur asing di kawasan perindustrian Pasir Gudang merupakan pelabur daripada negara Jepun, Korea dan China. Hal ini memberikan peluang kepada masyarakat sekitar untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan mendapatkan pengalaman daripada kepakaran asing.

Kewujudan kilang-kilang perindustrian juga mampu mengubah tahap sosioekonomi penduduk sekitar di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, tidak dinafikan bahawa pembangunan kawasan perindustrian akan memberikan kesan positif terhadap sosioekonomi masyarakat setempat. Pembangunan kawasan perindustrian yang semakin rancak mengubah suasana persekitaran masyarakat dari segi sosial, ekonomi, alam sekitar dan akses kepada kemudahan infrastruktur. Namun begitu, terdapat segelintir golongan masyarakat yang tercicir dan tidak dapat bersama-sama menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran yang berlaku, antaranya ialah komuniti pesisir pantai (Firth, 1966).

Di Pasir Gudang, terdapat komuniti pesisir pantai yang masih mendiami perkampungan di sekitar Pasir Gudang dan segelintir daripada mereka adalah petani dan nelayan. Tumpuan terhadap sumber laut mula menghadapi ancaman apabila berlakunya tambakan laut untuk tujuan perindustrian dan pencemaran yang berlaku. Terdapat komuniti pesisir pantai yang mengalami kekurangan sumber pendapatan disebabkan pembangunan yang berlaku. Oleh itu, komuniti pesisir pantai ini harus menyesuaikan diri dengan sosioekonomi yang telah berubah (Abdul Rahman Embong, 2007). Selain itu, komuniti pesisir ini secara fizikal terpaksa bersaing dengan komuniti luar yang memasuki kawasan perindustrian untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Perubahan persekitaran yang berlaku telah menyebabkan komuniti pesisir ini mengalami sedikit perubahan daripada pelbagai aspek. Hal ini dapat dilihat apabila corak kehidupan masyarakat perkampungan yang dahulunya hidup bersatu dan tidak ada masalah sosial mula terancam apabila mereka terlibat dengan proses perindustrian. Selain itu, peningkatan kos sara diri telah menyebabkan generasi komuniti pesisir pantai ini lebih menumpukan ke arah pekerjaan di sektor perindustrian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji perubahan sosioekonomi komuniti pesisir pantai akibat pembangunan kawasan perindustrian di Pasir Gudang.

2. Sorotan Karya

Kawasan pesisir pantai mempunyai penduduk yang biasanya menjalankan kehidupan bergantung kepada hasil laut dan penduduk di kawasan ini digelar komuniti pesisir pantai. Komuniti pesisir pantai berbeza dengan komuniti lain kerana masyarakatnya merangkumi nelayan dan bukan nelayan tetapi berkongsi pesisir pantai yang sama dan ekonomi mereka biasanya berasaskan laut. Komuniti pesisir pantai merupakan satu komuniti warisan dari zaman terdahulu. Sebagai contoh komuniti di Kelantan dan Terengganu pernah menjadi pedagang dan pelaut selain menjadi nelayan dan tukang kraf tangan. Proses modenisasi yang terus berkembang telah menyebabkan berlakunya perubahan sosioekonomi dan sosiobudaya komuniti ini (Nor Hayati Sa'at, 2011). Komuniti pesisir pantai ini menjalani kehidupan dengan persekitaran mereka yang berhampiran laut.

Komuniti pesisir pantai yang bekerja sebagai nelayan hanya bergantung kepada sumber laut. Pendapatan yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu untuk memiliki kemudahan sendiri. Menurut kajian Ungku Abdul Aziz (1987), hanya 30% daripada komuniti pesisir pantai nelayan Melayu di Baserah, Pahang yang mempunyai perahu dan pukak sendiri selebihnya terpaksa menyewa daripada orang lain. Hal ini kerana komuniti ini tidak mempunyai modal

yang besar dan tidak mampu memiliki alat sendiri. Oleh itu, peningkatan pendidikan dan teknologi perlu dilakukan agar dapat meningkatkan kehidupan komuniti ini. Peningkatan pendidikan dan teknologi sedikit sebanyak boleh membantu komuniti ini untuk menikmati kehidupan yang lebih baik.

Menurut Elfindri (2002), kekangan utama yang berlaku terhadap pendapatan isi rumah pekerjaan nelayan adalah masalah persekitaran fizikal mereka. Hal ini kerana, pekerjaan sebagai nelayan bergantung pada musim dan cuaca. Apabila tiba musim tengkujuh, nelayan tidak dapat turun ke laut dan mencari hasil. Hal ini telah menyebabkan pendapatan nelayan berkurang dan tidak mencukupi. Komuniti pesisir pantai selalunya merupakan komuniti nelayan pantai yang berpendapatan rendah (Nor Hayati Sa'at, 2011). Hal ini kerana mereka amat bergantung kepada cuaca seperti musim tengkujuh selain kekurangan modal, teknologi, kekurangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi untuk menjadi usahawan menghalang mereka untuk meningkatkan pendapatan (Nor Hayati Sa'at, 2011).

Walau bagaimanapun ekonomi nelayan di Terengganu telah mengalami pertumbuhan melalui industri perikanan bersama perlombongan bijih besi (Nor Hayati Sa'at, 2011). Industri di Terengganu terus membangun apabila industri cari gali Minyak dan gas melalui Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dijadikan penjana utama pertumbuhan ekonomi di Terengganu sekitar tahun 1980 sehingga kini. Penubuhan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah-sekolah serta pembangunan industri pelancongan telah menyebabkan berlakunya pertumbuhan ekonomi. Hal ini dapat dilihat apabila berlakunya peningkatan taraf hidup dari segi pendapatan isi rumah dan kadar pengangguran menurun daripada 4.2% (tahun 2000) kepada 3.2% (tahun 2007) (Nor Hayati Sa'at, 2011). Oleh itu, pembangunan di pesisir pantai telah mendatangkan perubahan kepada komuniti nelayan ini.

Pembangunan kawasan perindustrian akan menggalakkan perubahan sosioekonomi penduduk sekitar khususnya komuniti pesisir pantai. Katiman Rostam (2005) mendapati bahawa sosioekonomi penduduk setempat akan berubah sekiranya berlakunya pembandaran dan perindustrian. Proses perindustrian dan pembandaran yang berlaku di sekitar Chukai, Kerteh dan Paka adalah didorong oleh penemuan petroleum dan gas di kawasan luar pantai Terengganu sekitar tahun 1976 (Katiman Rostam, 2005).

Amnya, kajian yang menilai aspek sosioekonomi lazimnya menekankan kepada sosioekonomi penduduk luar bandar yang menjalankan sektor pertanian dan guna tanah (Suprajaka dan Suryandari, 2007). Selain itu, kebanyakan kajian yang melibatkan sosioekonomi komuniti pesisir pantai hanya tertumpu dikawasan pesisir Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan memfokuskan kepada komuniti pesisir pantai nelayan sahaja (Nor Hayati Sa'at, 2011; Unit Penyelidikan Sosioekonomi, 1982). Kajian yang melibatkan komuniti pesisir pantai secara keseluruhan khususnya di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dilihat masih kurang.

Petunjuk-petunjuk sosioekonomi sangat penting dalam mengkaji masyarakat. Menurut Yusof Suhaimi (1980), aspek-aspek pembangunan ekonomi dan sosial harus diberi penekanan yang seimbang apabila berhujah mengenai keadaan sesuatu masyarakat. Hal ini kerana, penekanan yang hanya kepada ekonomi sahaja tidak dapat memberikan gambaran yang jelas tentang sesebuah masyarakat. Di dalam kajian ini, petunjuk yang digunakan meliputi taraf hidup, pendapatan isi rumah, penduduk, pekerjaan, perumahan, pendidikan dan pemilikan aset. Ciri-ciri ini dijadikan indeks dalam mengukur perubahan sosioekonomi tersebut. Kesemua aspek ini telah digunakan dalam kajian-kajian yang lepas dan diringkaskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Sebahagian Petunjuk Sosioekonomi dalam Kajian Lepas

| Aspek Sosioekonomi | Kajian Lepas |
|------------------------|--|
| Taraf Hidup | Unit Penyelidikan Sosioekonomi RISDA (1980) |
| Pendapatan Isi Rumah | Unit Penyelidikan Sosioekonomi (1982); Norizan Musa (2012); Suprajaka dan Suryandari (2007); Abdul Rahim (2007); Unit Penyelidikan Sosioekonomi (1979) |
| Aspek Sosial | Kajian Lepas |
| Penduduk | Unit Penyelidikan Sosioekonomi RISDA (1980) |
| Pekerjaan | Suprajaka dan Suryandari (2007); Unit Penyelidikan Sosioekonomi (1982); Norizan Musa (2012) |
| Keadaan Tempat Tinggal | Unit Penyelidikan Sosioekonomi RISDA (1980) |
| Pendidikan & Kemahiran | Unit Penyelidikan Sosioekonomi RISDA (1980); Abdul Rahim (2007); Norizan Musa (2012) |
| Pemilikan Aset | Unit Penyelidikan Sosioekonomi (1982); Abdul Rahim (2007); Unit Penyelidikan Sosioekonomi (1979) |

3. Metodologi

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kuantitatif menggunakan reka bentuk deskriptif tinjauan. Kajian ini dijalankan menggunakan analisis deskriptif untuk memberikan gambaran tentang kesan yang berlaku kepada komuniti pesisir pantai terhadap pembangunan kawasan perindustrian yang sedang berlaku. Dalam kajian ini responden kajian terdiri daripada dua buah komuniti pesisir pantai iaitu Kampung Tanjung Langsung dan Kampung Perigi Acheh. Kaedah pensampelan bukan rawak iaitu pensampelan bertujuan telah digunakan. Pensampelan bertujuan dipilih kerana kajian telah menetapkan ketua isi rumah sebagai responden kajian. Ketua isi rumah yang dipilih adalah dalam kalangan mereka yang telah menetap di perkampungan tersebut untuk tempoh lebih 15 tahun. Hal ini untuk memastikan responden sudah pun mengalami beberapa perubahan yang berlaku di kawasan sekitar dan responden memahami keperluan dan kehendak kampung responden. Di kampung ini terdapat kira-kira 232 keluarga (Abdul Rahim Ramli, 2007). Daripada jumlah tersebut, kajian ini telah berjaya mendapatkan 60 orang responden. Jumlah responden ini dilihat telah melebihi jumlah minimum sampel pada tahap 90% *confidence level* dan 10% *margin of error*¹⁰.

Dalam kajian ini, responden telah ditemu bual menggunakan borang kaji selidik. Setiap soalan dalam borang berbentuk 1 hingga 4. Skala 4 mewakili Sangat Setuju (SS); 3, Setuju (S); 2, Tidak Setuju (TS); dan 1, Sangat Tidak Setuju (STS). Purata skor min lebih daripada 3.0 akan

¹⁰Pengiraan saiz sampel dilakukan menerusi kalkulator pengiraan sampel dalam talian di laman sesawang <https://www.surveymonkey.com/mp/sample-size-calculator/>

menunjukkan responden bersetuju dengan kenyataan yang dibuat manakala min di bawah 3.0 menunjukkan responden tidak bersetuju secara puratanya. Kesemua data yang dikutip dianalisis menggunakan perisian SPSS 20.

Di dalam kajian ini, komuniti pesisir pantai yang dikaji ialah penduduk di Kampung Tanjung Langsung dan Kampung Perigi Aceh. Majoriti penduduk di perkampungan ini merupakan nelayan dan petani (Abdul Rahim Ramli, 2007). Kedua perkampungan ini sudah hampir mencecah puluhan tahun sebelum Pasir Gudang menjadi kawasan perindustrian. Kedua perkampungan ini merupakan antara perkampungan terawal yang berusia berusia lebih 100 tahun. Majoriti masyarakat yang mendiami perkampungan ini adalah masyarakat Melayu yang bekerja sebagai nelayan, petani, peniaga dan pekerja kilang di kawasan Pasir Gudang. Kedudukan kedua perkampungan ini adalah berhampiran dengan tepi pantai Sungai Johor menyebabkan terdapat ramai nelayan yang tinggal di kawasan pantai dan menjadikan hasil laut sumber pendapatan mereka.

4. Dapatan Kajian

Merujuk kepada Jadual 2, hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti komuniti pesisir pantai yang menetap lebih 15 tahun di Kampung Tanjung Langsung dan Kampung Perigi Aceh berumur antara 41 hingga 60 tahun. Selain itu kebanyakan mereka telah bersara dan tidak bekerja serta menetap di kawasan perkampungan kajian ini lebih 36 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa hampir majoriti responden dalam kajian ini merupakan komuniti pesisir pantai yang telah lama terlibat dengan pembangunan kawasan perindustrian. Sebilangan responden merupakan suri rumah dan nelayan yang sudah tidak turun ke laut lagi disebabkan faktor umur dan pencemaran. Sebahagian besar responden juga bekerja di sektor swasta (31.7%). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan anak muda mencari peluang pekerjaan di kawasan perindustrian dan tidak lagi minat menjadi nelayan. Menurut kajian Nor Hayati Sa'at (2011) satu perubahan besar telah berlaku antara generasi dari aspek pendidikan komuniti pesisir pantai. Hal ini demikian kerana, proses mobiliti sosial dari aspek pencapaian pendidikan semakin bertambah baik dalam kalangan anak muda yang telah mengalami proses transformasi minda. Manakala penduduk kampung yang bekerja sebagai nelayan pula adalah seramai 15.0% dan kesemua golongan nelayan ini berumur 51 tahun dan ke atas. Golongan ini masih meneruskan mencari hasil laut untuk dijual secara kecil-kecilan. Selebihnya ialah mereka yang bekerja sebagai penjawat awam dan bekerja sendiri.

Hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti responden mempunyai taraf pendidikan sehingga peringkat menengah sahaja. Selain itu, bilangan responden tidak bersekolah adalah sebanyak 30.0%. Hal ini disebabkan kekangan kewangan dan kurangnya kesedaran pada suatu masa dahulu menyebabkan mereka tidak bersekolah dan faktor pekerjaan turun temurun sebagai nelayan juga membataskan mereka untuk mementingkan pendidikan. Menurut kajian Basrowi dan Siti Juariyah (2010), pemikiran masyarakat yang masih menganggap pendidikan bukan sesuatu yang penting untuk mendapatkan kehidupan yang sejahtera dan keluar dari kemiskinan menyebabkan mereka tidak mahu ke sekolah. Manakala seramai 15.0% responden melanjutkan pelajaran mereka di peringkat STPM/Diploma. Seramai 50% responden menyatakan kelulusan tertinggi dalam kalangan ahli keluarga mereka juga adalah pada peringkat menengah sahaja. Hal ini demikian kerana timbulnya rasa tidak minat anak-anak atau ahli keluarga mereka untuk menyambung pelajaran selain faktor peluang pekerjaan yang banyak disediakan di kawasan perindustrian.

Jadual 2: Ringkasan Maklumat Demografi Responden

| Ciri-ciri Demografi | Ciri-ciri | Peratusan (%) |
|--|-----------------------|---------------|
| Jantina | Lelaki | 63.3% |
| | Perempuan | 36.7% |
| Umur | 30 – 40 tahun | 25.0% |
| | 41 – 50 tahun | 28.3% |
| | 51 – 60 tahun | 26.7% |
| | 61 tahun ke atas | 20.0% |
| Pekerjaan | Nelayan | 15.0% |
| | Penjawat Awam | 6.7% |
| | Sektor Swasta | 31.7% |
| | Bersara/Tidak Bekerja | 40.0% |
| | Bekerja Sendiri | 6.7% |
| Tempoh Menetap | 15 tahun – 20 tahun | 3.3% |
| | 21 tahun – 25 tahun | 5.0% |
| | 26 tahun – 30 tahun | 1.7% |
| | 31 tahun – 35 tahun | 13.3% |
| | 36 tahun dan ke atas | 76.7% |
| Taraf Pendidikan | Tidak Bersekolah | 30.0% |
| | Pendidikan Menengah | 15.0% |
| | STPM/Diploma | 55.0% |
| Taraf Pendidikan Tertinggi dalam Ahli Keluarga | Pendidikan Menengah | 50.0% |
| | STPM/Diploma | 18.3% |
| | Ijazah Sarjana Muda | 8.3% |
| | Tidak Berkaitan | 23.3% |
| Pendapatan Isi Rumah | RM 500 dan ke bawah | 15.0% |
| | RM 501 – RM 1000 | 3.3% |
| | RM 1001 – RM 1500 | 33.3% |
| | RM 15001 – RM 2000 | 28.3% |
| | RM 2000 dan ke atas | 20.0% |
| Kos Sara Diri | RM 500 dan ke bawah | 18.3% |
| | RM 501 – RM 1000 | 41.7% |
| | RM 1001 – RM 1500 | 20.0% |
| | RM 1501 dan ke atas | 20.0% |
| Status Pemilikan Rumah | Rumah Sendiri | 75.0% |
| | Rumah Sewa | 10.0% |
| | Menumpang | 15.0% |
| Jenis Pemilikan Kenderaan | Kereta | 23.3% |
| | Motosikal | 35.0% |
| | Kereta dan Motosikal | 28.3% |
| | Tiada | 13.3% |


Pendapatan komuniti pesisir pantai di kedua-dua kampung masih lagi rendah jika dibandingkan dengan purata pendapatan isi rumah di Malaysia. Namun begitu, kebanyakan mereka merasakan berlakunya peningkatan pendapatan jika dibandingkan sebelum ini. Selain itu, kos sara diri yang semakin meningkat dari semasa ke semasa telah mendatangkan kesan kepada mereka. Kos sara diri merupakan kos bulanan yang ditanggung oleh isi rumah untuk menampung keperluan hidup seperti membeli barangan basah, bayaran bil air dan elektrik serta

keperluan lain-lain tidak termasuk komitmen lain-lain. Didapati seramai 40.0% responden terpaksa menanggung kos sara diri melebihi RM 1,000 sebulan. Hasil kajian ini mendapati seramai 75% responden memiliki rumah sendiri. Hal ini menunjukkan majoriti mereka mempunyai rumah sendiri sama ada rumah dibina di atas tanah sendiri mahupun tanah pusaka daripada keluarga. Menurut Mohamad Raduan dan Amaluddin Bakeri (2002), komuniti pesisir pantai sebahagian besar mampu memiliki rumah sendiri kerana pada masa dahulu kos pembinaan rumah adalah murah dan faktor fizikal tanah mempengaruhi pembinaan rumah di kawasan pesisir pantai yang berhampiran dengan laut. Manakala individu yang belum berkahwin biasanya tinggal secara menumpang di rumah ibu bapa mereka. Dari segi pemilikan kenderaan pula, seramai 35% responden hanya mampu memiliki motosikal kerana kos yang murah berbanding memiliki kereta.

Kajian ini mendapati telah berlakunya perubahan pekerjaan generasi seterusnya. Hasil kajian mendapati seramai 68.3% responden tidak bekerja di kawasan perindustrian tetapi seramai 66.7% responden mempunyai ahli keluarga yang bekerja di kawasan perindustrian. Hal ini menunjukkan pembangunan kawasan perindustrian telah mendorong generasi seterusnya untuk melebarkan punca pendapatan keluarga mereka. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa pembangunan kawasan perindustrian telah banyak membuka peluang pekerjaan baru dan memberi peluang kepada ahli keluarga responden bekerja di kawasan perindustrian. Selain daripada itu, kadar pengangguran juga berkurang dengan munculnya banyak peluang pekerjaan. Kebanyakan penduduk mempunyai asal usul daripada keluarga nelayan dan generasi seterusnya bekerja di kawasan perindustrian. Hal ini dapat dilihat apabila hasil kajian Nor Hayati Sa'at (2011) menyatakan bahawa komuniti pesisir pantai telah mengalami proses dinamik dalam mentransformasikan pekerjaan mereka di kawasan daratan kerana kemajuan dan pembangunan di sekitar yang berlaku.

Rajah 1 merupakan anggaran perbezaan pendapatan responden pada masa kini (2017) dengan 10 tahun yang lalu (2007). Hasil kajian ini mendapati 38.3% menyatakan perbezaan pendapatan meningkat sebanyak RM1001 hingga RM1500. Seramai 30.0% menyatakan anggaran perbezaan pendapatan mereka adalah antara RM501 hingga RM1000. Manakala 5.0% mempunyai anggaran perbezaan pendapatan sebanyak RM2500 dan ke atas dan 1.7% mempunyai anggaran perbezaan pendapatan sebanyak RM2001 hingga RM2500. Hal ini menunjukkan kebanyakan mereka mempunyai anggaran perbezaan pendapatan antara RM1001 hingga RM 1500 adalah disebabkan wujudnya peluang pekerjaan di kawasan perindustrian yang menyediakan pekerjaan yang banyak. Menurut Nor Hayati Sa'at (2011), kemajuan dan pembangunan di kawasan sekitar dengan pelbagai peluang pekerjaan telah mendorong komuniti pesisir pantai mempelbagaikan sumber pendapatan mereka. Oleh itu, tidak hairanlah jika komuniti pesisir pantai mengalami peningkatan pendapatan yang tinggi.

Merujuk kepada Jadual 3, dalam kajian ini, dimensi sosial dinilai berdasarkan empat item. Salah satu item tersebut adalah keselesaan responden terhadap pembangunan kawasan perindustrian yang sedang berlaku ($\text{min}=2.75$). Hal ini menunjukkan bahawa secara purata mereka berasa tidak selesa dengan pembangunan kawasan perindustrian yang sedang berlaku. Pembangunan kawasan perindustrian dikatakan mengganggu persekitaran dan menggalakkan lagi pencemaran. Ketidakselesaan mereka ini juga dapat dikaitkan dengan masalah sosial yang sering berlaku antaranya melibatkan kegiatan mat rempit, anak-anak muda melepak, vandalisme, kecurian motosikal, penagihan dadah/ganja, minum arak, dan pecah rumah. Masalah sosial dikatakan semakin meningkat semenjak berlakunya pembangunan kawasan perindustrian dan mengganggu keselesaan dan keharmonian penduduk setempat.



Rajah 1: Anggaran perbezaan pendapatan responden 10 tahun lalu dengan kini

Selain itu, pembangunan kawasan perindustrian juga telah menggalakkan kedatangan buruh asing yang menyebabkan wujud persaingan dalam mendapatkan pekerjaan di samping mencemarkan pemandangan mata mereka. Hasil kajian ini selari dengan kajian Hasan Mat Nor et al. (2009) yang menyatakan bahawa kemasukan buruh asing di kawasan perkampungan menyukarkan peluang penduduk tempatan untuk mendapatkan pekerjaan. Menurut Er Ah Choy et al. (2009), kemasukan buruh asing telah mengakibatkan masalah sosial di kawasan perumahan seperti pecah rumah, mencuri, membuat kacau dan bergaduh sesama mereka. Hal ini dapat dilihat apabila hubungan signifikan antara kehadiran buruh asing dan masalah sosial adalah positif.

Selain itu, responden juga bersetuju dengan tiga item yang lain, salah satunya adalah kemudahan infrastruktur seperti jalan raya pada masa kini lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu (min=3.22). Hal ini kerana, pembangunan kawasan perindustrian telah membantu menambah baik infrastruktur kawasan setempat agar dapat menjalankan aktiviti industri dengan akses yang mudah. Responden juga bersetuju bahawa pembangunan kawasan perindustrian telah meningkatkan kemudahan infrastruktur di perkampungan ini (min=3.13). Hal ini kerana dalam tempoh RMK7, pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang meliputi pengangkutan, komunikasi, bekalan air dan elektrik telah ditumpukan kepada perancangan bersepadu untuk memastikan kemudahan yang diperlukan dapat diperolehi dan RMK8 telah memberi penekanan kepada peningkatan aksesibiliti di kawasan luar bandar (Noraniza Yusoff et al., 2011). Oleh itu, usaha kerajaan dalam meningkatkan infrastruktur komuniti pesisir pantai ini menunjukkan peningkatan apabila majoriti penduduk kampung ini berpuas hati dengan kemudahan yang diterima agar taraf hidup dapat ditingkatkan. Hasil kajian juga mendapati responden bersetuju bahawa mereka mudah mendapatkan rawatan kesihatan di perkampungan ini pada masa kini berbanding 10 tahun lalu (min=3.17).

Dari aspek ekonomi, majoriti responden bersetuju bahawa kini mereka mudah mendapatkan pekerjaan berbanding 10 tahun yang lalu (min=3.30). Selain itu, responden juga bersetuju bahawa mereka telah mengalami perubahan pekerjaan pada masa kini berbanding 10 tahun yang lalu (min=3.15) dan responden mudah mendapatkan pekerjaan di kawasan perindustrian Pasir Gudang (min=3.15). Hal ini kerana kebanyakan responden mempunyai ahli keluarga yang bekerja di kawasan perindustrian ini memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Setelah kawasan Pasir Gudang membangun menjadi kawasan perindustrian, kebanyakan responden cuba mencari peluang pekerjaan di kawasan perindustrian. Begitu juga dengan anak

muda yang merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan. Menurut Nor Hayati Sa'at (2011), penyertaan komuniti pesisir pantai semakin meningkat di kawasan perindustrian di dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan disebabkan oleh kemajuan pembangunan di kawasan sekitar yang membentuk lebih banyak peluang pekerjaan. Oleh itu pemikiran yang menetapkan komuniti pesisir pantai adalah golongan nelayan sudah tidak begitu tepat (Nor Hayati Sa'at, 2011).

Jadual 3: Min Item Perubahan Sosioekonomi Responden terhadap Pembangunan Kawasan Perindustrian

| Pemboleh ubah dan Item | Min | S.P |
|--|------------|------------|
| Sosial | | |
| Saya selesa dengan pembangunan kawasan perindustrian yang sedang berlaku | 2.75 | 0.34 |
| Kemudahan infrastruktur seperti jalan raya pada masa kini lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu | 3.22 | 0.45 |
| Pembangunan kawasan perindustrian telah meningkatkan kemudahan infrastruktur di perkampungan ini | 3.13 | 0.34 |
| Saya mudah mendapatkan rawatan kesihatan di perkampungan ini pada masa kini berbanding 10 tahun lalu | 3.17 | 0.42 |
| Ekonomi | | |
| Saya telah mengalami perubahan pekerjaan pada masa kini berbanding 10 tahun yang lalu | 3.15 | 0.56 |
| Saya mudah mendapatkan pekerjaan pada masa kini berbanding 10 tahun yang lalu | 3.30 | 0.53 |
| Saya mudah mendapatkan pekerjaan di kawasan perindustrian Pasir Gudang | 3.15 | 0.36 |
| Pendapatan isi rumah saya meningkat berbanding 10 tahun yang lalu | 3.22 | 0.45 |

Nota: Data berdasarkan skala Likert 1-Sangat tidak setuju, 2-Tidak setuju, 3-Setuju dan 4=Sangat setuju)

Selain itu, responden juga bersetuju dengan kenyataan bahawa pendapatan isi rumah meningkat berbanding 10 tahun yang lalu (min=3.22). Hal ini kerana, responden melakukan lebih dari satu kerja dan terdapat ahli keluarga lain seperti isteri dan anak turut bekerja. Menurut Siti Hadijah Che-Mat et al. (2012), corak ekonomi yang telah berubah menyebabkan penduduk mempunyai lebih banyak peluang untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dan tidak bergantung pada satu sumber pendapatan sahaja.

5. Rumusan

Kajian ini menjelaskan status sosioekonomi komuniti pesisir pantai Pasir Gudang serta perubahan yang berlaku ke atas sosioekonomi akibat pembangunan kawasan perindustrian. Pembangunan kawasan perindustrian sebenarnya telah memberi impak kepada kehidupan komuniti pesisir pantai sekitarnya. Berdasarkan hasil kajian ini mendapati responden mempunyai taraf pendapatan yang masih rendah. Namun begitu, responden merasakan berlakunya peningkatan pendapatan di dalam isi rumah responden. Hal ini kerana, jika dibandingkan dengan pendapatan hasil laut yang tidak menentu, pendapatan daripada sektor perindustrian ini lebih tetap dan lumayan. Kebanyakan anak-anak muda dan generasi seterusnya komuniti pesisir pantai ini telah beralih ke sektor perindustrian untuk mendapatkan gaji yang lebih besar dan lumayan. Hal ini secara langsung telah meningkatkan pendapatan isi rumah komuniti pesisir pantai. Namun begitu, kebanyakan komuniti pesisir pantai berasa tidak selesa dengan pembangunan kawasan perindustrian yang sedang berlaku. Hal ini kerana komuniti ini berasa tidak selesa dengan kehadiran warga asing dan pencemaran yang berlaku.

Selain itu, kesesakan lalu lintas juga berlaku disebabkan oleh lambakan kenderaan dan lori yang keluar masuk dari kawasan perindustrian. Perubahan dari segi pendapatan, pekerjaan dan kemudahan infrastruktur telah memberikan kesan positif di dalam kualiti hidup masyarakat setempat. Hal ini dapat membantu komuniti pesisir ini agar tidak ketinggalan dalam era modenisasi ini.

6. Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia – 304/PSOSIAL/6313317

Rujukan

- Abdul Rahman Embong, 2007. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Abdul Rahim Ramli, 2007. *Kesan Pembangunan Perindustrian di Kawasan Pasir Gudang Johor Terhadap Sosio-Ekonomi Penduduk Perkampungan Tradisional di Sekitar*. Master. Universiti Teknologi Malaysia.
- Basrowi, dan Siti Juariyah, 2010. Analisis Kondisi Sosial Ekonomi dan Tingkat Pendidikan Masyarakat Desa SriGading, Kecamatan Labuhan Maringgai, Kabupaten Lampung Timur. *Jurnal Ekonomi & Pendidikan*, 7(1), pp.58-81.
- Elfindri, 2002. *Ekonomi patron-client: Fenomena Mikro Rumah Tangga Nelayan dan Kebijakan Mikro*. Padang: Andalas University Press.
- Er Ah Choy, Katiman Rostam, Aishah@Eshah Mohamed, Zaini Sakawai, dan Abd. Rahim Md. Nor, 2009. Pembangunan dan Impak Terhadap Keselamatan dan Kesejahteraan Penduduk Setempat: Analisis Jaringan di Wilayah Pembangunan Iskandar Johor. *Jurnal e-Bangi*, 4(1), pp.84-94.
- Fatimah Illadad Khan, 1982. *Migrasi Wanita Melayu Luar Bandar ke Bandar Kesan dan Implikasi Sosio-Ekonomi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Firth, R., 1966. *Malay Fishermen: Their peasant economy*. 2nd ed. London: Routledge and Kegan Paul.
- Hasan Mat Nor, Abd Rahim Md. Nor, Katiman Rostam, Aishah@Eshah Mohamed, dan Zaini Sakawi, 2009. Mengapa Kami Jadi Begini? Konflik Masyarakat Orang Seletar dan Pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), pp.16-26.
- Katiman Rostam, 2005. Transformasi Ekonomi dan Pemandaran di Koridor Kemaman-Dungun, Terengganu: Keterlibatan Isi Rumah Melayu. *Sari*, 23(2005), pp.15-36.
- Majlis Perbandaran Pasir Gudang, n.d. *Latar Belakang*. [online] Available at: <<http://www.mppg.gov.my/ms/mppg/profil/latar-belakang> [Accessed 28 November 2016].
- Mohamad Raduan Mohd. Ariff, dan Amaluddin Bakari, 2002. Masyarakat Nelayan di Negeri Pahang: Satu kajian Sosioekonomi. *Jati*, 7, pp.175-195.
- Noraniza Yusoff, Azlizan Talib, dan Yusuf Pon, 2011. Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia. *Journal of Governance and Development*, 7, pp.16-36.
- Norizan Musa, 2012. *Taraf Soioekonomi, Pengaturan Kehidupan dan Jenis Kemudahan untuk Warga Tua Melayu dalam Komuniti Bandar di Taman Tun Sardon, Gelugor, Pulau Pinang*. Master. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hayati Sa'at, 2011. Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Pesisir Pantai: Kajian Kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia*, 29(1), pp.95-123.

- Rahmah Ismail, M. N., 2003. Perancangan Pembangunan. In M. N. Rahmah Ismail, ed. 2003. *Dimensi Ekonomi Pembangunan: Teori dan Realiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. pp.281-322.
- Siti Hadijah Che-Mat, Nor'Aznin Abu Bakar, dan Ahmad Zafarullah Abdul Jalil, 2012. Pendapatan Bukan Pertanian dan Sumbangannya dalam Memendekkan Tempoh Masa Keluar daripada Kepompong Kemiskinan. *Kajian Malaysia*, 30(2), pp.121-141.
- Sukri Nyompa, Noraziah Ali, Mohd Fuad Mat Jali, dan Katiman Rostam, 2012. Migrasi dan Impaknya Terhadap Aspek Sosial dan Ekonomi di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Jurnal Perspektif*, 4(2), pp.85-98.
- Suprajaka dan Suryandari, R.Y., 2007. Kesan Pertukaran Gunatanah Pertanian kepada Keadaan Sosioekonomi Petani di Kawasan Pesisir Jawa Timur Indonesia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 3, 46-57.
- Sulong Mohamad, K. R., 1987. Matlamat dan Arah Pembangunan Bandar Baru di Malaysia: Pengalaman Bandar Baru Bangi, Selangor. In Sulong Mohamad, ed. 1987. *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia. pp.151-181.
- Todaro, M. P., 1997. *Economic Development*. 6th ed. Boston: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.
- Ungku Abdul Aziz, 1987. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Unit Penyelidikan Sosioekonomi, 1979. *A Sosio-Economic Study of Trishawmen in Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Unit Penyelidikan Sosioekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Unit Penyelidikan Sosioekonomi, 1982. *Kajian Sosioekonomi Keluarga-keluarga Nelayan Marang, Terengganu*. Kuala Lumpur: Unit Penyelidikan Sosioekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Unit Penyelidikan Sosioekonomi, 1980. *Kajian Petunjuk-petunjuk Sosio-ekonomi Ahli PPK 1980*. Kuala Lumpur: Unit Penyelidikan Sosioekonomi RISDA.
- Yusof Suhaimi Yatim, 1980. *Kajian Petunjuk-petunjuk Sosioekonomi Ahli PPPK 1980*. Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Proceedings of 2nd USM-International Conference on Social Sciences (USM-ICOSS) 2017

23 – 25 August 2017

The Gurney, Resort Hotel and Residence, Penang

Editors:

Shariffah Suraya Syed Jamaludin

Intan Hashimah Mohd Hashim

Premalatha Karupiah

Lean Hooi Hooi

Benny Teh Cheng Guan

Disclaimer

The views and recommendations expressed by the authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of editors, the school or the university. While every attempt has been made to ensure consistency of the format and the layout of the proceedings, the editors are not responsible for the content of the papers appearing in the proceedings.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in Publication Data

2nd USM-International Conference on Social Sciences (USM-ICOSS) 2017 / Editors Shariffah Suraya Syed Jamaludin, Intan Hashimah Mohd Hashim, Premalatha Karupiah, Lean Hooi Hooi, Benny Teh Cheng Guan

ISBN 978-967-11473-9-9

1. Economics 2. Political Science 3. Anthropology and Sociology 4. Development Planning and Management 5. Social Work I. Shariffah Suraya Syed Jamaludin II. Intan Hashimah Mohd Hashim III. Premalatha Karupiah IV. Lean Hooi Hooi V. Benny Teh Cheng Guan

All rights reserved

© 2017 School of Social Sciences, USM

